



## KENYATAAN MEDIA

### PELANJUTAN FASA AWAL ENDEMIK DAN PENGEMASKINIAN GARIS PANDUAN

***Bandar Seri Begawan, Selasa, 12 April 2022***

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jawatankuasa Pandu COVID-19 dengan ini memaklumkan bahawa **Fasa Awal Endemik (*Early Endemic Phase*) di bawah Rangka Kerja Pelan Pemulihan Kebangsaan COVID-19 akan dilanjutkan sehingga hari Sabtu, 30hb., April, 2022.**

Sementara itu, Jawatankuasa Pandu COVID-19 juga ingin mengemaskinikan syarat-syarat bagi garis panduan – garis panduan seperti berikut:

- Penjualan *Antigen Rapid Test* (ART) melalui mesin layan sendiri (*vending machines*) yang disediakan oleh pihak Kerajaan akan ditiadakan memandangkan ART ini mudah diperolehi di kedai-kedai pada harga pasaran yang rendah; dan
- ***Transport Operators* – yang akan membuat perjalanan rentas sempadan atas tugas mengangkat barang – hanya diperlukan untuk mendapatkan keputusan ART yang negatif sekurang-kurangnya dua (2) kali seminggu sahaja**, dan tidak lagi perlu untuk mendapatkan ujian RT-PCR pada setiap dua (2) minggu. Keputusan ART hendaklah dilaporkan melalui aplikasi BruHealth dan dihadapkan kepada pihak berkuasa di pos-pos kawalan sempadan. Langkah ini akan bermula dengan serta-merta.

Jawatankuasa Pandu COVID-19 akan terus memantau dan meneliti situasi semasa COVID-19 di mana garis panduan-garis panduan akan dikemaskini dari semasa ke semasa bagi kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara ini. Bagi sebarang maklumat lanjut dan terperinci, bolehlah melayari laman sesawang Jabatan Perdana Menteri di alamat [www.jpm.gov.bn](http://www.jpm.gov.bn).



Di kesempatan ini, saya mewakili ahli-ahli Jawatankuasa Pandu COVID-19 sukacita mengucapkan selamat berpuasa kepada seluruh umat Islam di tanah air dan seterusnya mendoakan semoga Allah *Subhanahu Wata'ala* akan terus melimpahkan rahmat-Nya bagi kita melaksanakan amal ibadat di bulan yang mulia ini dan bagi Allah *Subhanahu Wata'ala* menyelamatkan kita dari wabak COVID-19 ini. *Amin ya rabbal 'alamin.*

**JAWATANKUASA PANDU COVID-19**

Jalan Perdana Menteri  
Bandar Seri Begawan BB3913  
Negara Brunei Darussalam

10 Ramadhan 1443

12 April 2022



## MEDIA STATEMENT

### EXTENSION OF THE EARLY ENDEMIC PHASE AND UPDATES TO GUIDELINES

***Bandar Seri Begawan, Tuesday, 12<sup>th</sup> April 2022***

With the consent of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, the COVID-19 Steering Committee wishes to announce that **the Early Endemic Phase under the National COVID-19 Recovery Framework will be extended until Saturday, 30<sup>th</sup> April 2022.**

Meanwhile, the COVID-19 Steering Committee also wishes to update on existing guidelines, as follows:

- The sale of Antigen Rapid Tests (ARTs) through vending machines provided by the Government will be ceased as ARTs are readily available in shops at affordable market prices; and
- **Transport Operators – who are on duty to travel across the border to transport goods – are only required to obtain a negative ART result at least twice (2) a week** and are no longer required to obtain an RT-PCR test every two (2) weeks. ART results must be reported via the BruHealth app and presented to border control post authorities. This requirement will begin immediately.

The COVID-19 Steering Committee will continue to monitor the COVID-19 situation where the guidelines will be updated from time to time for safety of the country's citizens and residents. Further information and details can be found on the Prime Minister's Office website at [www.jpm.gov.bn](http://www.jpm.gov.bn).

On this occasion, on behalf of members of the COVID-19 Steering Committee, we would like to wish all muslims in the country a blessed month of fasting and pray that Allah *Subhanahu Wata'ala* will continue to bestow His blessings upon us to perform deeds of worship in this holy month and for Allah *Subhanahu Wata'ala* to protect us from COVID-19. *Amin ya rabbal 'alamin.*

#### ***COVID-19 STEERING COMMITTEE***

Jalan Perdana Menteri  
Bandar Seri Begawan BB3913  
Negara Brunei Darussalam  
10<sup>th</sup> Ramadhan 1443 / 12<sup>th</sup> April 2022